

# **ENAKMEN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR 1997**

**INSAN, KK**

**Disediakan oleh,  
Nurul Ezza B.Mausar**



# Pendahuluan

- ❖ Suatu Enakmen untuk membuat **peruntukan bagi pemeliharaan dan pengurusan hidupan liar** dan habitat-habitatnya di Negeri Sabah bagi faedah dan keseronokan generasi-generasi rakyat Negeri Sabah pada masa sekarang dan masa akan datang.
- ❖ Mengandungi **12 Bahagian, 119 seksyen.**

## Tafsiran (s.2)

- ❖ "hidupan liar" termasuk haiwan dan tumbuhan;
- ❖ "kawasan dilindungi" ertinya, Sanktuari Hidupan Liar, Kawasan Pemeliharaan atau Kawasan Memburu Hidupan Liar;
- ❖ "kawasan hidupan liar" ertinya kawasan yang hidupan liar diisytiharkan oleh Pengarah di bawah seksyen 108.
- ❖ "kawasan pemeliharaan" ertinya kawasan pemeliharaan Negeri diisytiharkan di bawah seksyen 21.

## **s. 3 – Jabatan Hidupan Liar Sabah**

Seorang Pengarah Hidupan Liar dan beberapa pegawai yang dilantik oleh SPAN untuk mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan Enakmen ini.

## s. 4 – Tugas dan Fungsi Pengarah

- ❖ Menasihati Menteri tentang rumusan dan dasar pemeliharaan dan pengurusan; mengenai penubuhan Sanktuari Hidupan Liar, kawasan pemeliharaan dan kawasan memburu;
- ❖ Melaksanakan dan mentadbir Konvensyen antarabangsa berhubung dengan hidupan liar;
- ❖ Menyelesaikan apa-apa pertikaian;
- ❖ Mentadbir kawasan dilindungi;
- ❖ Memelihara hidupan liar;
- ❖ Pelaksanaan, galakan dan koordinasi penyelidikan terhadap hidupan liar;
- ❖ Kawalan pengeksploitasi sumber hidupan liar;
- ❖ Promosi kesedaran awam;
- ❖ Dan sebagainya.

## **S. 5 – Kuasa Pengarah**

Menyelia, mengusahakan, mengawal, mengurus dan menjaga Sanktuari Hidupan Liar, merizabkan tempat pembiakan, membangun kemudahan dll, melesenkan organisasi, melupuskan tumbuhan, haiwan atau hasil haiwan dipelihara dll, membuat persetujuan bagi pemburuan komersil dll, menyewakan tapak pembinaan rumah penginapan bagi pelawat, menjalankan program menternak semula, menjalankan program penakaian spesis terlebih ternak, menjalankan program penempatan semula Hidupan Liar, membuat persetujuan dengan pihak berkuasa yang kompeten dll..

## s.9 – Sanktuari Hidupan Liar (SHL)

- ❖ Menteri boleh mengemukakan cadangan kepada Kabinet mengesyorkan Yang Di-pertua Negeri mengisytiharkan suatu kawasan sebagai SHL selepas berunding dengan Pengarah untuk melindungi alam semulajadi dan mengekalkan hidupan liar dan proses semulajadi dalam keadaan yang tidak diganggu; memastikan kekekalan nilai-nilai biodiversiti; atau memastikan keadaan perlu untuk melindungi spesis istimewa penting haiwan atau tumbuhan, kelompok biotik atau sumber-sumber genetik.
- ❖ Tiada SHL boleh dibatalkan, dikurangkan saiznya atau sempadannya kecuali dengan resolusi Dewan Undangan Negeri.

## **s.11 – Pemberhentian pemberimilikan tanah, penanaman dan pemburuan**

Tiada tanah boleh diberimilik dibawah Ordinan Tanah, tiada pembinaan apa-apa bangunan boleh dimulakan, tiada persediaan bagi penanaman boleh dimulakan, tiada pokok boleh ditebang, tiada pemburuan boleh diusahakan dalam kawasan dilindungi dari tarikh penyiaran dalam Warta tentang notis di bawah s.10(1)(a).

## **s.15 – Sekatan kediaman dan kemasukan ke dalam sanktuari hidupan liar (SHL)**

- ❖ Tertakluk kepada **subseksyen 20**, Tiada orang boleh tinggal di dalam/memasuki SHL kecuali dengan **permit**.
- ❖ Pengarah boleh dengan permit membenarkan orang itu memasuki kawasan yang tidak terbuka kepada orang awam bagi tujuan penyelidikan saintifik bagi tempoh dan syarat dalam permit.
- ❖ **Perlanggaran – denda RM20,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya.**

## s.16 – Pemburuan haiwan & penuaian tumbuhan di dalam sanktuari hidupan liar (SHL)

- ❖ Mana-mana orang yang memburu/mencari/menuai dalam SHL melakukan suatu kesalahan dan **boleh didenda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.**
- ❖ Boleh dengan **Iesen/permit** memancing dalam zon SHL yang dibenarkan.

## s.17 – Tindakan2 lain yang dilarang di dlm SHL

- ❖ Tidak boleh menebang/memotong, mencedera/membakar/mbenarkan api dinyalakan diluar sanktuari untuk merebak ke mana-mana tumbuhan.
- ❖ Mencari/memungut hasil haiwan.
- ❖ Sengaja merosakkan benda yang ada kepentingan kajibumi, prasejarah, marin/kepentingan saintifik/mengalih benda tersebut.
- ❖ Memiliki secara sah haiwan, hasil haiwan/tumbuhan.
- ❖ Dengan sedar memasukkan haiwan/haiwan ternakan/mbenarkan haiwan itu merayau.
- ❖ mengganggu/menyerbu haiwan.
- ❖ Sengaja merosak struktur.
- ❖ Menduduki, membersih, menanam/memecah tanah bagi penanaman.
- ❖ Kuari.
- ❖ membina/menduduki struktur/bangunan.

## **s.17 – Tindakan2 lain yang dilarang di dlm SHL ... samb...**

- ❖ membawa/mengguna/mempunyai/ada dalam milikannya apa-apa peralatan yang boleh digunakan bagi semua tindakan yang dilarang tetapi tidak terhad kepada mana-mana penyendal, penyodok/traktor.
- ❖ **Perlanggaran - denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.**

## **s.18 – Kesalahan-kesalahan alam sekitar di dlm Sanktuari Hidupan Liar (SHL)**

- ❖ Menyebar bahan-bahan kimia/toksik.
- ❖ melepaskan/membenarkan pelepasan minyak, kimia/toksik/bahan buangan memudaratkan.
- ❖ menghalang/menyimpang sungai, kolam/badan2 air lain mengalir ke SHL.
- ❖ **Pelanggaran – syarikat (Denda tidak kurang RM100,000 dan tidak lebih RM500,000.**

**bukan syarikat (Denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000**

**Penjara tidak kurang 5 tahun atau kedua-duanya.**

## **s. 19 – Sekatan-sekatan penerbangan berhubung dengan Sanktuari Hidupan Liar (SHL)**

- ❖ Tiada pesawat boleh mendarat kecuali bagi tujuan pendaratan/berlepas daripada lapangan udara yang diluluskan pada ketinggian 500 meter atas SHL.
- ❖ Juruterbang pesawat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan atas sabitan **denda RM30,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya.**

## **s. 20 – Kekecualian kepada sekatan-sekatan & larangan-larangan berhubung dengan tempat-tempat Hidupan Liar**

- ❖ **Hak anak negeri/tradisi** boleh terus dilaksanakan kecuali dengan perjanjian antara Pengarah & orang2 yang layak melaksanakan hak itu dihentikan dari dijalankan dengan pampasan.
- ❖ Kecuali dengan kuasa bertulis Pengarah/pegawai bertanggungjawab, tiada orang boleh membuat filem komersil/rakaman video/mengambil fotograf bagi tujuan komersil/memasuki kawasan saktuari yang telah diisyihar ditutup kepada orang awam.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM50,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.**
- ❖ Tetapi Pengarah boleh membenarkan pembinaan bangunan bagi pengurusan & pembangunan Saktuari Hidupan Liar & penyediaan kemudahan awam.
- ❖ Boleh menggunakan jalan yang ditandakan oleh Pengarah bagi tujuan melalui SHL sebagai laluan.

## s.21 – Kawasan-kawasan Pemeliharaan

- ❖ Apabila YDPN berpuas hati bahawa satu langkah kawalan dikehendaki dalam suatu kawasan bagi tujuan perlindungan hidupan liar, habitat hidupan liar, tapak perpindahan, koridor perpindahan dan tapak saintifik atau nilai atau kepentingan lain, bagi tujuan memastikan keselamatan hidupan liar atau habitatnya daripada SHL yang berdekatan atau bagi tujuan pengawalan penyeludupan haiwan, hasil haiwan atau tumbuhan dalam kawasan yang menyempadani negeri-negeri atau negara-negara jiran, dia boleh dengan **perintah disiarkan dalam Warta mengisyiharkan kawasan itu suatu Kawasan Pemeliharaan.**
- ❖ Menteri boleh menyekat kemasukan bukan residen tanpa permit mana-mana bahagian Kawasan Pemeliharaan bagi tujuan<sup>16</sup> perlindungan populasi HL yang mudah musnah.

## **s. 25 – Haiwan2 yang tidak boleh diburu**

- ❖ **Bahagian I Jadual 1** (badak sumatra, orang utan, beruang madu, duyung, monyet bangkatan, harimau dahan, buaya julung-julung, penyu hijau, penyu sisik, tembadau, gajah borneo) - **denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM250,000 dan dengan penjara tidak kurang 1 tahun dan tidak lebih 5 tahun.**
- ❖ **Bahagian I Jadual 2** (cencurut kinabalu, kelawar ladam-bulat dayak, kelawar hidung pendek tembaga, kelawar hidung laras emas, kubung, kongkang, kera hantu, monyet merah, monyet kikok, monyet kelabu, kera, beruk, kelawat, tenggiling, tupai kerawak putih-kuning, tupai kinabalu, babut, tupai...206 spesis) atau **Jadual 3** (9 spesis) - **denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih Rm100,000 atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.**
- ❖ Bahagian I (Jadual 2 – boleh diburu tetapi dengan LESEN & tidak melebihi KUOTA spesis dimasukkan dalam lesen).
- ❖ Bahagian I (Jadual 3 – boleh diburu tetapi dengan LESEN)

## 26. Haiwan yang boleh diburu dalam bilangan yang terhad

- ❖ Haiwan dalam spesis disenaraikan dalam **Bahagian I Jadual 2 dengan lesen**

- Mammals, reptiles, frigatebirds, Cormorants and darters, Heron and bitterns, Storks, Ibises, Ospreys, Falcons, Megapodes, Partridges and pheasant, Plovers, Sandpipers and snipes, Thick-knees, Skuas, gulls and turns, Pigeons and doves, Parrots, Cuckoos, malkohas and coucals, Owls, Frogmouths, Nightjars, Swifts, Hornbills, Honeyguides, Woodpeckers, Pittas, Bulbuls, Babblers, Flycatchers, Whistlers, Flowerpeckers, Starling and mynas, Bristleheads, Jays and crows, Insects

## **27. Haiwan2 lain yang boleh diburu di bawah lesen**

- ❖ Spesis disenaraikan dalam **Jadual 3 dengan lesen**.
- ❖ Keluang Bakau, Keluang Pulau, Landak Raya, Babi Hutan, Pelandok, Napoh, Kijang, Rusa.

## 29. Kategori lesen memburu

- Lesen sukan
- Lesen memburu komersil
- Lesen haiwan kampung
- Apa-apa lesen lain sebagaimana boleh ditetapkan

## 30. Lesen sukan

- ❖ Lesen sukan melayakkan pemegangnya memburu haiwan spesis dalam **Bahagian I Jadual 2** dan mana-mana spesis dalam **Jadual 3** dalam tempoh tidak melebihi daripada 6 bulan.
- ❖ Bagi pelawat rasmi Negeri, lesen adalah percuma.

## **31. Lesen komersil**

- ❖ Lesen komersil melayakkan pemegangnya memburu haiwan daripada spesis & dalam bilangan ditentukan dalam lesen bagi penternakan komersil, eksport & penjualan, perdagangan/eksport hasil haiwan tersebut serta memungut telur & hasil haiwan lain bagi penjualan, penternakan komersil & pemeliharaan keturunan.

## 32. Lesen haiwan kampung

- ❖ Khas bagi faedah kampung di mana orang itu berasal.
- ❖ Memburu dalam kawasan dinyatakan dalam lesen bagi spesis haiwan disenaraikan dalam **Bahagian I Jadual 2 & Jadual 3**.

## **40. Haiwan harta Kerajaan**

- ❖ Haiwan yang dilindungi/hasil daripadanya adalah harta Kerajaan.

## **41. Milikan haiwan-haiwan dilindungi dan hasil-hasil haiwan**

- ❖ Tiada milikan bagi haiwan dalam senarai dalam **Bahagian I Jadual 1** atau **hasil haiwan** daripada senarai dalam **Bahagian I Jadual 1** melainkan diberi kuasa bertulis oleh Menteri yang bertindak atas nasihat Pengarah.
- ❖ Haiwan itu adalah diimport sah, diperolehi dengan lesen/permit sah, melalui kuatkuasa undang-undang/akibat daripada kematian/dibeli menurut s.48(2).

## **47. Sijil hakmilik**

- ❖ Pengarah boleh mengeluarkan sijil hak milik sah haiwan dilindungi/hasil haiwan dilindungi jika berpuas hati bahawa ianya diperolehi secara sah dengan lesen/permit sah, diimpot sah, dibeli sah mengikut s.48/diperolehi dengan cara sah.

## **48. Kawalan jual dan beli haiwan dilindungi dan hasil2 haiwan**

- ❖ Tidak boleh jual/beli kecuali penjual/pembeli itu mempunyai sijil hakmilik sah, permit peniaga, permit penternakan, mempunyai lesen memburu komersil & menjual haiwan/hasil haiwan kepada orang yang mempunyai permit peniaga haiwan/permit penternakan haiwan, ahli kampung menjual hasil haiwan daripada haiwan dilindungi yang diperolehi mengikut lesen dijual di pasar kampung tersebut.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak kurang RM5000 dan tidak lebih RM50,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya.**

## **54. Tumbuhan yang tidak boleh dituai**

- ❖ Spesis dalam senarai dalam Lampiran I atau **Bahagian II Jadual 1** (periuk kera, orkid selipar, rafflesia & pokok perumah rafflesia) **S.54 (1)(a)**
- ❖ Spesis dalam senarai dalam Lampiran II atau Lampiran III atau **Bahagian II Jadual 2, dengan lesen** (botu, rotan, gabang, paku laut, paku, halia hutan, pinang hutan, periuk kera, anggerek hutan, lampias, mawar hutan, silad & polod). **S.54(1)(b)**
- ❖ **Perlanggaran –**
  - (1) Lampiran I atau **Bahagian II Jadual 1** - denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya;
  - (2) Lampiran II atau Lampiran III atau **Bahagian II Jadual 2** - denda tidak lebih RM30,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.

## 56. Lesen pungutan tumbuhan

- ❖ Sesorang boleh mencari atau menuai tumbuhan daripada spesis disenaraikan dalam Lampiran II atau Lampiran III atau **Bahagian II Jadual 2 dengan lesen** pungutan tambahan (botu, rotan, gabang, paku laut, paku, halia hutan, pinang hutan, periuk kera, anggerek hutan, lampias, mawar hutan, silad & polod).

## 57. Kategori lesen pungutan tumbuhan

- ❖ Lesen pungutan tumbuhan pemungut
- ❖ Lesen pungutan tumbuhan komersil
- ❖ Apa-apa jenis sebagaimana ditetapkan

## 58. Lesen pungutan tumbuhan pemungut

- ❖ Mencari & menuai tumbuhan dalam senarai dalam Lampiran II atau **Bahagian II Jadual 2** (botu, rotan, gabang, paku laut, paku, halia hutan, pinang hutan, periuk kera, anggerek hutan, lampias, mawar hutan, silad & polod).

## **59. Lesen pungutan tumbuhan komersil**

- ❖ Mencari & menuai tumbuhan daripada spesis & dalam jumlah dalam lesen untuk jualan, eksport atau penanaman/penyebaran.

## **64. Kawasan2 memburu Hidupan Liar**

- ❖ Jika Menteri memikirkan adalah perlu suatu kawasan untuk mengurus habitat & populasi haiwan untuk tujuan mengawalselia & menyediakan kemudahan memburu hidupan liar, dia hendaklah mengemukakan cadangan kepada Kabinet mengesyorkan Yang di-Pertua Negeri dinasihatkan bahawa kawasan itu diisytharkan sebagai Kawasan Memburu Hidupan Liar.

## **70. Sekatan kediaman dan kemasukan ke dalam kawasan memburu Hidupan Liar**

- ❖ Tiada orang kecuali pegawai awam/pekerja di Kawasan Memburu Hidupan Liar boleh tinggal di dalam/memasuki kawasan itu kecuali di bawah kuasa permit sah untuk memburu dan di bawah kuasa suatu permit penyelidikan dikeluarkan di bawah **s.113 Enakmen membenarkan orang itu untuk memasuki kawasan tersebut bagi tujuan penyelidikan** sahaja bagi tempoh dan menurut syarat yang terkandung dalam permit.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak lebih RM50,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.**

## **71. Memburu haiwan dan menuai tumbuhan dalam kawasan memburu Hidupan Liar**

- ❖ Seseorang boleh diberikan permit memburu dalam senarai **Jadual 2/Jadual 3** dalam zon Kawasan Memburu Hidupan Liar yang dibenarkan.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak lebih RM100,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya.**
- ❖ Dibenarkan memancing dengan permit dalam kawasan yang dibenarkan.

## **72. Tindakan2 lain yang dilarang dalam kawasan memburu Hidupan Liar**

- ❖ Tidak boleh menebang/memotong pokok/memotong, mencederakan/membakar/mbenarkan api dinyalakan/merebak ke mana-mana tumbuhan.
- ❖ Sengaja merosakkan benda yang mempunyai kepentingan kajibumi, pra-sejarah, marin/kepentingan saintifik lain/mengalih benda/sebahagian darinya.
- ❖ Tanpa alasan sah, ada dalam milikannya haiwan, hasil haiwan/tumbuhan.
- ❖ Dengan disedari memperkenalkan haiwan/haiwan domestik/mbenarkan haiwan berkeliaran.
- ❖ Sengaja merosakkan struktur.
- ❖ Aktiviti kuari.
- ❖ membina/menduduki struktur/bangunan.
- ❖ Melakukan perkara dilarang oleh peraturan.
- ❖ Kecuali untuk tujuan pemburuan di bawah lesen, tiada orang boleh membawa, mengguna, mempunyai/ada dalam milikannya peralatan yang boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti tersebut di atas tetapi tidak terhad kepada penyendal, penyodok/traktor.
- ❖ **Perlanggaran – denda RM50,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya.**

## **73. Kesalahan2 alam sekitar di dalam kawasan memburu Hidupan Liar**

- ❖ Menyebar bahan2 kimia/toksik.
- ❖ melepaskan/membenarkan pelepasan minyak, kimia/toksik/bahan buangan memudaratkan.
- ❖ menghalang/menyimpang sungai, kolam/badan2 air lain mengalir ke HL.

### **Pelanggaran –**

- ❖ **Syarikat (Denda tidak kurang RM100,000 dan tidak lebih RM500,000)**
- ❖ **Bukan Syarikat (Denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000)**
- ❖ **Penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya**

## 74. Sekatan2 penerbangan berhubung dengan kawasan memburu Hidupan Liar

- ❖ Tiada pesawat boleh mendarat kecuali bagi tujuan pendaratan/berlepas daripada lapangan udara yang diluluskan pada ketinggian **500 meter** atas Hidupan Liar.

## **75. Kekecualian kepada sekatan2 dan larangan2 berhubung dengan kawasan2 memburu Hidupan Liar**

- ❖ **Hak anak negeri/tradisi** boleh terus dilaksanakan kecuali dengan perjanjian antara Pengarah & orang2 yang layak melaksanakan hak itu dihentikan dari dijalankan dengan pampasan.
- ❖ Kecuali dengan kuasa bertulis Pengarah/pegawai bertanggungjawab, tiada orang boleh membuat filem komersil/rakaman video/mengambil fotograf bagi tujuan komersil/memasuki kawasan sanktuari yang telah diisythihar ditutup kepada orang awam.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.**
- ❖ Tetapi Pengarah boleh membenarkan pembinaan bangunan bagi pengurusan & pembangunan Hidupan Liar & penyediaan<sup>39</sup> kemudahan awam.
- ❖ Boleh menggunakan jalan yang ditandakan oleh Pengarah bagi

## 85. Sarang2 burung boleh dimakan dan guano

- ❖ Semua gua termasuk gua-gua dalam **Bahagian II Jadual 4**, **kecuali** gua-gua yang disenaraikan dalam **Bahagian I Jadual 4**, yang mengandungi sarang burung boleh dimakan dan sarang burung yang boleh dimakan & guano adalah harta Kerajaan dan kekal disimpan kepada Kerajaan apabila pemberian tanah mengandungi gua tersebut, sarang-sarang burung/guano kepada mana-mana orang di bawah Ordinan Tanah.
- ❖ Gua dalam **senarai Bahagian I Jadual 4** adalah diiktiraf oleh Kerajaan sebagai harta individu persendirian/komuniti kepada bayaran royalti tertakluk kepada terma & syarat yang ditetapkan oleh Pengarah.
- ❖ Tiada orang boleh memungut sarang burung/guano daripada gua milik Kerajaan kecuali di bawah kuasa & menurut kontrak bagi<sub>40</sub> pungutan sarang burung boleh dimakan/guano yang diawardkan oleh Menteri.

## 86. Pertikaian ke atas pemilikan gua2 dan hak2 untuk menuai sarang

- ❖ Semua pertikaian berhubung hakmilik termasuk hak warisan yang disenaraikan dalam **Bahagian I Jadual 4**/syer orang yang telah mati hendaklah dirujuk kepada Mahkamah Anak Negeri untuk penyelesaian.
- ❖ Apabila pertikaian tidak boleh diselesaikan tentang hakmilik, Pengarah, hendaklah menyebabkan sarang burung dalam gua yang dipertikaikan untuk dipungut semasa musim yang sesuai. Hasil jualan akan dipegang oleh Pengarah selepas potongan royalti dibayar & kos pungutan & penjualan, sehingga keputusan oleh MAN diberitahu.

## **87. Pengisytiharan kawasan pungutan telur penyu tradisi**

- ❖ Pengarah boleh mengisyiharkan dalam Warta kawasan memungut telur penyu tradisi.
- ❖ Kawasan tersebut hendaklah dirizabkan eksklusif untuk memungut telur penyu tanpa permit mengikut hak tradisi orang yang tinggal berdekatan kawasan tersebut dan yang haknya telah diiktiraf oleh Kerajaan sebelum Enakmen ini. Hak-hak tersebut tidak membolehkan orang itu untuk menjual apa-apa telur penyu.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM250,000 atau penjara tidak kurang 1 tahun dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.**

## 88. Kuasa untuk memeriksa

- ❖ Pegawai diberikuasa boleh menghendaki mana-mana orang mengemukakan lesen/permit untuk pemeriksaan; memeriksa senjata, peluru, haiwan, hasil haiwan, daging, tumbuhan, jerat, jaring, racun/artikel; menghendaki orang itu membekalkan nama penuh & alamat.
- ❖ Pegawai diberikuasa juga boleh menghendaki kenderaan, pesawat udara, bot/alat pengangkutan untuk berhenti; memasuki kendaeraan, pesawat udara, bot/alat pengangkutan itu & menghendaki orang betanggungjawab mengemukakan/manifes dokumen senarai kargo/menjawab apa-apa soalan berkaitan.
- ❖ **Jika pegawai diberikuasa mempunyai sebab munasabah bahawa suatu kesalahan sedang/telah dilakukan, dia boleh menjalankan kuasa di bawah s.89 Enakmen.**

## **89. Kuasa untuk memeriksa, merampas, memusnah dan menangkap**

- ❖ Seseorang pegawai diberikuasa boleh, bila dia mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai suatu kesalahan telah/sedang dilakukan, memasuki & menggeledah, menghendaki untuk mengemukakan bagi pemeriksaan/menyalin semua/sebahagian rekod/dokumen, merampas senjata, peluru, jerat, perangkap, lampu, letupan, racun, bahan kimia, jentera, peralatan, kenderaan, bot, haiwan pek, pesawat udara, telefon bimbit, merampas haiwan, hasil haiwan termasuk daging, tumbuhan, merampas & menahan ternakan/haiwan domestik, memusnahkan/mengambil milikan bangunan, struktur, penghadang, penghalang/jerat, mengambil milikan tumbuhan yang ditanam, tumbuhan/harta lain, menggantung dan dalam kes Pengarah membatalkan lesen/permit yang dikeluarkan, dan menangkap tanpa waran orang yang dia mempunyai sebab munasabah mempercayai melakukan/telah melakukan kesalahan & menggunakan kekerasan melainkan jika<sup>44</sup> dia percaya bahawa orang itu akan hadir & menjawap dakwaan yang boleh dikenakan ke atasnya.

## 90. Waran untuk memasuki tempat kediaman

- ❖ Pegawai yang diberikuasa tidak boleh memasuki tempat kediaman kecuali dengan izin penduduk/di bawah kuasa waran.
- ❖ Atas permohonan *ex-part*e, Majistret boleh pada bila-bila masa menandatangani & mengeluarkan waran memberikuasa pegawai dalam waran untuk menggeledah tempat kediaman apabila ada sebab-sebab munasabah mempercayai ada benda mungkin/dijumpai dalam kediaman, dan kemasukan ke tempat kediaman adalah perlu untuk tujuan penguatkuasaan peruntukan pada Enakmen dan jika kemasukan itu ditolak/mempercayai kemasukan itu akan ditolak.

## 94. Penyamaran

- ❖ Mana-mana orang dengan salah menampulkan dirinya sebagai Pengarah/pegawai Hidupan Liar/ tanpa alasan sah memakai pakaian seragam, membawa/mempamerkan lencana, kad pengenalan, sijil/dokumen perlantikan diberikuasa di bawah Enakmen ini melakukan kesalahan & **boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya.**

## **95. Halangan kepada pegawai diberikuasa, maklumat palsu dan pengubahan lesen dan dokumen2 lain**

- ❖ Mana-mana orang menyerang, menentang/menghalang pegawai diberikuasa menjalankan kuasanya; enggan/cuai mematuhi perintah, permintaan/arahan; tanpa alasan munasabah, gagal menjawab soalan pegawai diberikuasa/memberi maklumat/mengemukakan benda di bawah/mengikut Enakmen ini; gagal memberikan penggeledahan/pemeriksaan; mencegah/cuba mencegah dari mematuhi perintah, permintaan/arahan/dari menjawab soalan, mengemukakan benda/memberikan penggeledahan/pemeriksaan, melakukan kesalahan & **boleh didenda tidak lebih RM50,000/penjara tidak lebih 3 tahun/ kedua-duanya.**
- ❖ Orang yang untuk tujuan mendapatkan lesen, permit/sijil memberikan maklumat dengan disedari/dengan cuai memberikan maklumat palsu melakukan kesalahan & **boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya**
- ❖ Orang tanpa kuasa sah yang mengubah lesen/permit/sijil/dokumen di bawah Enakmen ini melakukan kesalahan & **boleh didenda tidak lebih RM100,000/penjara tidak lebih 5 tahun/ kedua-duanya**<sup>47</sup>

# **100. Pembatalan mandatori lesen<sup>2</sup> dan ketidaklayakan atas sabitan**

- ❖ Apabila pemegang lesen, permit/pemberikuasaan lain di bawah Enakmen disabitkan dengan kesalahan terhadap Enakmen ini, sabitan hendaklah mempunyai kesan membatalkan lesen, permit/pemberikuasaan lain berkuatkuasa dari hari sabitan.
- ❖ Orang yang disabitkan tidak layak memegang lesen, permit/pemberikuasaan lain di bawah Enakmen ini untuk tempoh 2 tahun dari tarikh sabitan atau tidak lebih daripada 5 tahun.
- ❖ Orang yang bukan pemegang lesen, permit/pemberikuasaan yang disabitkan, boleh dilucutkan kelayakannya oleh Mahkamah untuk tempoh 2/5 tahun dari tarikh sabitan.
- ❖ Orang yang disabitkan kesalahan dengan pemuliharaan hidupan liar/habitatnya dalam Malaysia/ASEAN, tidak layak<sup>48</sup> memegang lesen/permit/pemberikuasaan untuk tempoh 2/5 tahun dari tarikh sabitan.

## 106. Musim ditutup

- ❖ Pengarah boleh mengisytiharkan tempoh had dan kawasan yang dinyatakan dalam notis bahawa pemburuan haiwan/pungutan hasil haiwan/penuaian tumbuhan yang dinyatakan menjadi salah di sisi undang-undang.
- ❖ **Perlanggaran – denda tidak lebih RM30,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.**

## **110. Kuasa Pengarah untuk menggantung atau membatal lesen**

- ❖ Pengarah boleh menggantung/membatal lesen memburu/lesen menuai tumbuhan tanpa memberi alasan & hak untuk didengar.
- ❖ Pengarah boleh membayar balik keseluruhan fee dibayar untuk lesen/permit itu bagi lesen/permit yang dibatalkan.

## **Contoh soalan**

**Q1**

**Senaraikan sekatan-sekatan di bawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997?**

**Q2**

**Sulaiman mempunyai niat untuk memburu Orang Utan di Kinabatangan. Nasihatil Sulaiman dengan merujuk kepada Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997?**

**Q3**

**Apakah perbezaan di antara haiwan yang dilindungi sepenuhnya dan haiwan yang dilindungi di bawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997?**